

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/92

Mac/ April 1992

ZSE 361/2 - Geologi Gunaan

Masa : (2 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.


Jawab EMPAT soalan sahaja.

DUA daripada Bahagian A dan DUA lagi daripada Bahagian B. Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

Bahagian A: Geologi Struktur

Jawab 2 (dua) soalan sahaja.

1.



Keterangan

Pelan di atas menunjukkan singkapan sesar mendatar ke kiri. Mata angin dinyatakan dalam darjah, di mana utara = 0 darjah. Sudut ricih purata bagi batuan di kawasan ini ialah 32 darjah.

(a) Pada ruas sesar yang mana berlaku transpresi atau transtensi?

(20/100)

(b) Pada ruas sesar yang dimaksud (di bawah soalan 1 (a), struktur-struktur sekunder apakah yang boleh wujud?

Lakarkan dan nyatakan pula kedudukan struktur sekunder tersebut (dalam darjah).

(60/100)

- (c) Selepas gerakan sesar mendatar tamat dan graviti menjadi tegasan utama maksimum, ramalkanlah jurus dan kemiringan sesar normal yang boleh terbit di kawasan ruas sesar yang telah mengalami transpresi atau transtensi.
(20/100)
2. (a) Senaraikan dan lakarkan jenis-jenis lipatan yang anda kenal.
(60/100)
- (b) Nyatakan pula asas(-asas) pengelasan lipatan.
(40/100)
3. Sejumlah faktor semulajadi mempengaruhi kekuatan batuan. Bincangkan faktor-faktor yang dimaksud dan nyatakan kesan tiap-tiap satu faktor terhadap kekuatan batuan.
(100/100)

Bahagian B

Jawab 2 (dua) soalan sahaja.

4. (a) Bincangkan jenis-jenis fasies yang terbentuk akibat dari arus pasang-surut di bahagian Selatan Laut Utara.
(30/100)
- (b) Sebutkan jenis-jenis longgokan fluvius dengan disertai penjelasan mengenai ciri-ciri penting bagi setiap jenis longgokan yang anda berikan.
(70/100)
5. Jelaskan ciri-ciri yang biasa ditemui di pantai jenis mikropasang-surut dan makropasang-surut.
(100/100)
6. (a) Lukiskan rajah yang menunjukkan struktur-struktur dalaman bagi satu model sungai meander, dan jelaskan proses-proses yang menghasilkan struktur-struktur yang anda berikan.
(60/100)

...3/-

(b) Bincangkan mengenai perkara-perkara berikut:

- (i) perlapisan-silang
- (ii) lineasi raka
- (iii) sedimen relikta
- (iv) lapisan kekeruhan (turbid layer)

(40/100)

- oooOooo -